

Ceramah Penulisan Resume & Persediaan Menghadapi Temuduga

Oleh ; Nur Aimi Muslim



Pada **5 April dan 6 April 2010**, sempena Karnival Kerjaya dan Keusahawanan 2010, Unit Kaunseling & Kerjaya telah menganjurkan Ceramah Penulisan Resume & Persediaan Menghadapi Temuduga kepada pelajar-pelajar tahun akhir Universiti Malaysia Perlis. Ceramah tersebut telah berlangsung selama 2 jam dan disampaikan oleh Encik Mohammad Rezal Hamzah. Pada malam pertama, ceramah tersebut dijalankan di Bilik Rehat

Kolej Kediaman Wang Ulu manakala ceramah kedua diadakan di Dewan Serbaguna Kolej Kediaman Kg.Wai, Kuala Perlis. Tujuan ceramah tersebut dijalankan untuk mendedahkan para pelajar mengenai teknik-teknik menulis resume dan membantu para pelajar memahami etika dan prasyarat dalam menghadiri sesi temuduga agar pelajar tidak berasa kekok semasa menghadapi situasi sebenar.

